

PM: Peraturan2 tidak perlu akan dihapus

UM 7 OCT 1986

Oleh Kris Kan

KUALA LUMPUR 6 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan kepada para pelabur asing untuk menghapuskan hindaran - hindaran birokrasi di negara ini bagi mewujudkan suasana pelaburan yang lebih positif.

Perdana Menteri menyatakan, peraturan - peraturan sudah tentunya tidak boleh dihapuskan sama sekali kerana ini hanya akan menimbulkan kacau-bilau dan kerugian kepada semua, termasuk para pelabur sendiri.

"Tetapi, kami akan mencuba sedaya upaya kami

untuk menghapuskan proses - proses birokratik dan peraturan - peraturan yang tidak perlu," katanya semasa berucap di Seminar Pelaburan American International Group (AIG) di sini pagi ini.

Seminar itu dihadiri oleh wakil - wakil daripada 20 buah syarikat Amerika dan 30 buah pertubuhan tempatan dan merupakan sebahagian daripada aktiviti yang disediakan untuk misi pelaburan AIG, dari Amerika Syarikat yang tiba di sini Sabtu lalu untuk lawatan enam hari.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir dalam usaha kerajaan untuk menghapuskan hindaran birokrasi itu, peraturan - peraturan baru yang bertujuan untuk mengurangkan rundingan pelabur - kerajaan kepada paras yang minimum sekali, akan diperkenalkan.

Jelasnya, peraturan - peraturan itu akan mencatatkan dengan jelas, syarat - syarat yang harus dipenuhi oleh para pelabur untuk memperoleh paras ekuiti yang dikehendakinya.

Ketulusan akan diberikan dalam tempoh yang akan ditetapkan sekiranya syarat - syarat berkenaan dipenuhi tetapi sekiranya terdapat sebarang kelambatan, para pelabur berkenaan bolehlah merayu kepada pihak berkuasa di peringkat atasan, tambahnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyentuh tentang syarat - syarat pelaburan baru mengenai penyertaan ekuiti asing yang diumumkankannya di New York minggu lalu.

Syarat - syarat itu, yang antara lain, membolehkan para pelabur asing memegang ekuiti sehingga sebanyak 100 peratus dalam sebuah syarikat tempatan dalam kes - kes tertentu, adalah untuk pelaburan - pelaburan yang dibuat an-

LIBAT MUKA 6

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

PM: Peraturan2 tidak perlu dihapus

tara 1 Oktober 1986 hingga akhir Disember 1990.

Pelaburan - pelaburan yang dibuat dalam tempoh itu, sekiranya memenuhi syarat - syarat yang ditetapkan itu, tidak diperlukan menyusun semula ekuiti mereka.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, syarat - syarat baru itu digubalkan kerana rakyat Malaysia adalah pragmatik dan sadar bahawa dunia sedang menghadapi satu tempoh yang menyukarkan.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa Malaysia yakin dapat menguruskan "kejuruteraan sosialnya" apabila ekonomi pulih semula "tetapi ini tidak akan merugikan mere-

ka yang datang melabur semasa mereka paling diperlukan."

Perdana Menteri juga menarik perhatian kepada hakikat bahawa Malaysia kini sedang melangkah ke arah menjadi sebuah negara perindustrian baru. (NIC).

Katanya, nilai barang - barang perkilangan yang dieksport telah meningkat daripada AS\$2.4 ribu juta (M\$6.2 ribu juta) pada 1980 kepada AS\$4.7 ribu juta (M\$12.2 ribu juta) pada 1985, dengan menyumbangkan kira - kira 20 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

Beliau menyatakan, Malaysia kini pengeksport uta-

ma bagi alat - alat semikonduktor, penyaman udara dan barang - barang buatan getah asli dan berharap untuk menjadi pengeksport utama tayar, barang - barang perindustrian getah yang jitu serta perabot.

Katanya, Malaysia tidak mahu menjadi pemasang barang - barang kilang sahaja.

Kami mahu tenaga buruh kami untuk memperbaiki lagi kemahiran mereka kerana kami percaya masa depan kami adalah dalam pemerosesan keluaran - keluaran yang mempunyai nilai bertambah dan berteknologi tinggi, katanya.

Dalam hubungan itu, tambahnya, Malaysia sedar

tentang perlunya pelaburan modal, pengetahuan pengurusan, keupayaan teknologi serta kemasukan ke dalam pasaran dunia dan kerana itulah, para pelabur asing diperlukan.

Menyentuh tentang pelaburan Amerika Syarikat di Malaysia, beliau berkata, walaupun negara itu adalah antara lima buah negara yang mempunyai pelaburan yang paling besar di Malaysia, ia masih tidak memuaskan.

Dari segi modal berbayar, sektor pembuatan Amerika Syarikat hanya berjumlah AS\$121 juta (M\$314.6 juta) dan AS\$358 juta (M\$930 juta) dari segi harta tetap.

Sebaliknya eksport ta-

hunan Amerika Syarikat ke Malaysia berjumlah M\$4,676.4 juta.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir lagi, para pelabur Amerika bukan sahaja membantu Malaysia apabila melabur di negara ini tetapi juga akan membantu para pekerja Amerika secara tidak langsung.

Ini adalah memandangkan pelaburan asing akan membantu Malaysia menjadi makmur dan ini pula akan membolehkan rakyat Malaysia memperoleh wang yang diperlukan untuk membeli keluaran - keluaran Amerika Syarikat pula.

Oleh itu, katanya, pelaburan mereka bukan sahaja baik untuk Malaysia tetapi juga baik untuk Amerika.